



## ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU PERLIS : BERTUNANG

Oleh : Abdul Ghani Onn

Walaupun masyarakat Malaysia bersifat majmuk tetapi ramai yang masih tidak tahu tentang cara hidup masing-masing. Untuk melahirkan rasa kekitaan dan memupuk perpaduan perlu ada sikap saling memahami serta menghormati adat dan budaya yang diwarisi oleh setiap kaum. Adat budaya serta beberapa bentuk kepercayaan dan amalan ini sehingga kita masih lagi dipraktikkan sejak dari beberapa generasi lalu. Namun begitu sesetengah adat dan pantang larang ini tidak lagi diyakini gelaran selaras dengan perubahan zaman dan masa. Bagaimanapun adat dan pantang larang ini tetap menjadi sebahagian daripada identiti dan warisan masyarakat Melayu sejak turun-temurun lagi. Setiap amalan dan adat ini mempunyai pengertian yang tersendiri bukan sahaja melambangkan norma-norma yang wujud dalam masyarakat Melayu bahkan merupakan manifestasi terhadap beberapa nilai moral yang menjadi pegangan masyarakat Melayu keseluruhannya. Nilai-nilai etika ini penting dalam mempertahankan kelangsungan hidup dan keharmonian sesama anggota masyarakat itu sendiri.

Penyelidikan telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu tebal dan kukuh dengan kepercayaan mereka, adat resam, permainan-permainan asli, tarian-tarian rakyat dan berbagai-bagai lagi. Di antara segala adat resam tersebut yang terpenting sekali dalam masyarakat Melayu ialah adat perkahwinan. Ianya adalah suatu upacara panjang lebar yang penuh dengan adat istiadat dan merupakan satu peristiwa yang memerlukan masa yang agak panjang. Ianya mestilah dilakukan menurut adat atau susunan yang telah dilazimkan oleh masyarakat itu sendiri.

Untuk mendirikan sebuah mahligai perkahwinan, ada beberapa takah adat yang harus dijejaki. Salah satu adat yang tidak kurang juga pentingnya untuk menuju gerbang perkahwinan ialah adat dan pantang larang dalam masa bertunang.

Setelah upacara peminangan selesai dan seluruh keluarga telah mencapai kata sepakat, barulah pinangan diterima. Ketika itulah berbagai

perbincangan lain diteruskan terutamanya tempoh pertunangan. Maka di sinilah bermulanya adat “bertunang”.

Untuk mengetahui dengan lebih lagi tentang adat ini, saya sempat menemui Tuan Haji Abdul Halim Bin Haji Osman, Imam Dua, Masjid Ar-Rahman Simpang Sanglang, Perlis. Menurut beliau, pertunangan adalah sebagai tanda pasangan lelaki dan perempuan tersebut sudah dimiliki. Tempoh bertunang pula terpulanglah kepada budi bicara kedua-dua belah pihak. Lazimnya pertunangan dibuat untuk suatu tempoh yang tertentu.

Setelah upacara peminangan selesai dan seluruh keluarga telah mencapai kata sepakat, barulah pinangan diterima. Ketika itulah berbagai perbincangan lain diteruskan terutamanya tempoh pertunangan. Maka di sinilah bermulanya adat “bertunang”.

Menurut Tuan Haji Abdul Halim, mengikut adat resam orang dahulu kedua-dua pihak juga telah membuat perjanjian untuk menghadapi takdir sekiranya pertunangan itu putus kerana sesuatu sebab. Sekiranya pihak lelaki tidak dapat meneruskan pertunangan kerana sesuatu hal yang tidak dapat dielakkan atau terpicat pada gadis lain, maka cincin pertunangan dan segala barang-barang hantaran tidak boleh diminta kembali. Bagi pihak perempuan pula, kalau gadis mungkir janji atau berhasrat memutuskan pertunangan, pihak perempuan hendaklah mengembalikan cincin pertunangan dan segala hantaran dari pihak lelaki dengan sekali ganda banyaknya atau harganya.







*Gambar Hiasan, Majlis Pertunangan*

Tuan Haji Abdul Halim selanjutnya menjelaskan selain daripada adat resam pertunangan seperti yang diterangkan, ada lagi dua cara pertunangan yang dilangsungkan oleh orang Melayu dahulu iaitu pertunangan yang dilakukan oleh ibu bapa kedua belah pihak pada masa anak mereka masih kecil lagi. Pertunangan ini tidak memerlukan apa-apa hantaran atau tanda kerana ianya berlandaskan persahabatan erat ibu bapa kedua pihak yang hendak merapatkan lagi ikatan silaturahim. Pertunangan ini biasanya dihormati dan dilangsungkan sehingga kedua-dua anak itu berkahwin. Pertunangan yang kedua adalah pertunangan mengikut wasiat salah seorang daripada ibu bapa di antara dua orang sahabat karib sebelum mati. Pertunangan ini banyak dilaksanakan dan selalunya berkesudahan dengan kedua anak mereka itu berkahwin. Walaupun pertunangan itu tiada bersyarat atau hantaran bertanda.

Orang Melayu dahulu mempercayai bahawa dalam tempoh pertunangan, seseorang itu dikatakan mudah ditimpa musibah atau kecelakaan. Dari sinilah timbulnya ungkapan “darah manis”. Segala bentuk

malapetaka atau kemalangan mudah menyimpannya. Segala jenis makhluk halus dikatakan dapat menghidu bau orang yang berada dalam keadaan darah manis dan akan mengganggunya. Kerana itu kalau mereka ini, lebih-lebih lagi bakal pengantin perempuan hendak berpergian, ia hendaklah berteman. Seseorang yang sedang bertunang perlu berhati-hati dalam semua hal, ketika berjalan, bekerja atau sebagainya, jelas Tuan Haji Abdul Halim mengakhiri perbualan.

## RUJUKAN

1. Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan – Amran Kasimin. DBP, Kuala Lumpur. 1989.
2. Temu bual dengan Tuan Haji Abdul Halim Bin Haji Osman, 64 tahun, Kuala Sanglang, Sanglang, Perlis.